

Bahaya jika terlepas

HM 19/10/23 ml 17

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Udang kara air tawar mempunyai keistimewaan tersendiri yang bukan saja rasanya enak, malah rupanya juga mempesonakan dengan warna yang cantik, unik dengan hijau kebiru-biruan dan berbintik putih di bahagian kepala, malah ada berwarna hitam kemerahan, ungu, coklat serta

jingga.

Hidupan air tawar itu sering dijadikan hiasan akuarium dan sebahagian menu eksotik di restoran makanan laut, namun mungkin ramai yang tidak menyedari sebenarnya ia memberi ancaman kepada sumber ikan asli apabila dilepaskan atau 'terlepas' ke perairan umum seperti spesies ikan asing lain.

Penyelidik bebas yang juga pencinta ikan air tawar, Mohd Ilham Norhakim Lokman berkata, populasi udang kara semakin mem-

biak di kawasan paya gambut seperti perairan mukim Air Hitam, Muar di Johor dikatakan menjadi punca ikan asli seperti haruan, keli limbat dan seluang semakin berkurangan.

"Mungkin ramai yang kurang senang dengan hakikat ini tetapi secara asasnya memang udang kara berpotensi merosakkan ekosistem kita sekali gus memusnahkan sumber ikan asli seperti yang berlaku di Muar apabila ikan keli dan haruan semakin sukar didapati.

"Bagaimanapun jika penternak tidak melepaskan udang itu dengan sengaja di perairan umum tidak menjadi masalah kerana kita faham ia menjadi sumber pendapatan cuma apa yang menjadi masalah jika ia terlepas disebabkan banjir," katanya yang juga penyelidik pelawat eNCORE Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Berkongsi maklumat lanjut, Mohd Ilham Norhakim berkata, dia mengakui sumber ikan asli semakin berkurangan kerana ancaman ikan asing.